



Kelab Sultan Sulaiman jadi saksi Kongres Melayu Pertama

Um - 29/4/2006

Oleh ROHANI IBRAHIM

DATUK Onn Jaafar merupakan antara individu yang paling sibuk dan penting dalam mengatur dan menguruskan Kongres Melayu yang pertama bagi menentang Malayan Union.

Selain menyediakan surat jemputan kepada Sultan Selangor, beliau turut bertanggungjawab memungut derma daripada raja-raja Melayu, mendapatkan kebenaran daripada pihak polis dan British serta pelbagai hal yang berkaitan.

Kongres tersebut yang berlangsung pada 1 hingga 4 Mac 1946 di bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur menjadi medan perbincangan hangat bagi orang Melayu mengutuk penubuhan Malayan Union.

Kongres tersebut disertai oleh sejumlah 41 buah pertubuhan termasuk pertubuhan politik, masyarakat dan ekonomi. Ia mendapat sambutan yang menggalakan memandangkan akhbar Melayu termasuk Utusan Melayu, Warta Negara dan Majlis turut membantu menghambakan kongres tersebut kepada orang ramai.

Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMJ) yang diketuai oleh Onn turut hadir dalam kongres berkenaan ialah Persekutuan Melayu Kluang, Kesatuan Melayu Johor Muar.

Selain persatuan-persatuan Melayu dari semua negeri di Tanah Melayu, dewa pemiagaan Melayu, persatuan penghulu, persekutuan guru-guru Melayu, kaum ibu dan kaum darat turut menyertai kongres berkenaan.

Di halaman Kelab Sultan Sulaiman ribuan orang termasuk kanak-kanak berkumpul sambil memegang poster dan kain pemidang yang tertulis mesej untuk wakil kongres dan bantahan kepada Malayan Union.

Kongres tersebut dirasmikan oleh Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah pada 1 Mac 1946.

Ketika beritah baginda mengingatkan ahli-ahli kongres supaya tidak mengenyakan unsur agama dalam perbincangan. Baginda turut menghibahkan ahli-ahli perhimpunan supaya memuatkan per-

kara agama sebagai sebahagian daripada tanggungjawab pertubuhan Melayu yang akan ditubuhkan kelak.

Kongres yang bermula selepas mailis persediaan secara sebulat suara memilih Onn sebagai pengerusi persidangan dan dalam ucapan sulungnya beliau mengingatkan orang Melayu supaya bersatu.

"Antara ucapan pertama Onn ialah: "Kita berkehendakkan tanah air dan bangsa kita ini terselamat dan kuat. Kedua-duanya itu hanyalah boleh terseleamatkan jika kuat dan hanyalah boleh kuat jika bersatu padu."

"Orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini telah mendirikan persekutuan, persatuan, kesatuan, parti dan kesemuanya dengan satu tujuan iaitu hendak menyatukan dan memperbaiki keadaan kehidupan bangsanya."

"Marilah kita tunjukkan iaitu dengan persatuan di antara kita maka kita berkehendakkan menzhahirkan satu bangsa yang lebih tegap dan subur boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap bersatu."

Onn turut mengingatkan orang Melayu supaya berhati-hati dan tidak menggunakan sebarang kekerasan dalam menentang pihak British bagi mengelakkan tindakan keras British kepada orang Melayu.

Sepanjang kongres berkenaan berlangsung, tentera British mengawal bangunan Kelab Sultan Sulaiman dengan senjata selain polis berpakaian biasa.

Pada satu ketika, Onn mempersilakan saraan yang hadir supaya membawanya (memberkannya) namun saraan itu menangkan bahawa beliau hanya berada di sana untuk melihat dan mendengar sahaja.

Kongres berkenaan juga menetapkan nama pertubuhan Melayu yang akan ditubuhkan di mana cadangan asal Onn ialah Pertubuhan Melayu Bersatu - United Malays Organisation (UMO).

Zainal Abidin Ahmad atau Zaaba kemudian mencadangkan supaya dilambatkan perkataan 'national' atau kebangsaan selepas perkataan Pertubuhan menjadikan namanya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National

Organisation) atau UMNO.

Cadangan itu mendapat sokongan ramai dan sebuah badan atau jawatankuasa ditubuhkan bagi menggubal Undang-Undang Tubuh atau Perlembagaan bagi UMNO.

Jawatankuasa itu terdiri daripada Onn sebagai Pengerusi, Datuk Panglima Bukit Gantang dan Datuk Nik Ahmad Kamil.

Persidangan hari pertama memberi tumpuan kepada ucapan dan perbincangan mengenai penyatuan orang Melayu dalam perjuangan menentang Malayan Union menerusi UMNO.

Selepas berbilang selama dua hari, kongres berkenaan membuat kesimpulan untuk menolak perancangan Sir Harold Mac Michael dan mendesak Kerajaan British supaya menarik balik rancangan Malayan Union dengan segera.

Pada hari terakhir Kongres iaitu setelah selesai perbincangan dan perbincangan selama tiga hari satu perhimpunan ramai orang Melayu diadakan di Dewan Bandaran (Town Hall) Kuala Lumpur di mana keputusan kongres diisytiharkan.

Keputusan Kongres tersebut turut di kirimkan kepada Perdana Menteri British.

Kecaman

Selain sokongan padu masyarakat Melayu, gerakan UMNO turut menerima sokongan daripada bekas pegawai Inggeris iaitu R.O.Windstedt yang merupakan bekas penasihat Inggeris di Johor dalam tahun 1937.

Seorang lagi bekas pegawai Inggeris yang menyokong UMNO ialah bekas Ketua Residen Negeri Melayu Berekutu, Frank Sweetenham.

Kedua-dua mereka melihat dasar Malayan Union sangat bertentangan dengan dasar kerajaan Inggeris selama ini. Turut memberikan kecaman ialah anggota pembangkang Parti Konservatif Inggeris dalam House of Commons yang mendakwa Malayan Union adalah satu tindakan untuk memusnahkan orang Melayu.

Tampa menghiraukan semua suara yang menentang, Kerajaan British mengumumkan tarikh penubuhan Malayan Union iaitu pada 1 April 1946.

Menurut pengumuman itu, pada tarikh

berkenaan Gabenor bagi kerajaan Malayan Union iaitu Sir Edward Gent akan mengangkat sumpah.

Ekoran pengumuman itu, Onn mengadakan satu kongres tergeper yang melibatkan wakil setiap negeri pada 30 dan 31 Mac.

Kongres tergeper yang pertama diadakan di pejabat akhbar majlis semantara kongres yang kedua keesokannya berlangsung di Rumah Persekutuan Penang Peranakan (Penang Peranakan Club) di Batu Road (kini Jalan Tuanku Abdul Rahman) Kuala Lumpur.

Cadangan yang dibangkitkan dalam kongres tergeper ialah:

- penangkuhan Malayan Union selama enam bulan untuk rundingan,
- orang Melayu di seluruh semenanjung mengadakan sembahyang hajat bagi menjauhkan malapetaka yang menimpa orang Melayu; dan
- perhimpunan dan perjumpaan dijalankan bagi membangkitkan semangat orang Melayu untuk membela bangsanya.

Kongres tergeper itu juga meminta semua orang Melayu di Tanah Melayu supaya berkabung dengan melilit kain putih di songkok selama seminggu sebagai tanda berduka-cita dan bantahan kepada Malayan Union.

Tindakan berkabung juga menandakan kematian hak orang Melayu.

Onn, Nik Ahmad Kamil dan Datuk Hamzah Abdullah turut dilantik sebagai wakil untuk memaklumkan kepada Sultan-sultan supaya tidak menghadiri majlis mengangkat sumpah tersebut.

Wakil-wakil yang dilantik berjumlah dalam House of Commons yang mendakwa Malayan Union adalah satu tindakan untuk memusnahkan orang Melayu.

Dalam pertemuan dengan raja-raja Melayu, Onn meyeru dan meminta raja-raja Melayu bekerjasama dengan Kongres

1946.

Selepas lebih sejam berunding dengan Onn, raja-raja Melayu akhirnya bersetuju untuk memberikan sokongan.

Rayuan turut dihantar kepada Liga Arab bagi menceritakan dasar-dasar Malayan Union hak menyuntuh hak-hak orang Melayu dan agama Islam.

Apabila kongres tergeper berakhir pada 31 Mac 1946, ahli mesyuarat tidak balik ke negeri masing-masing bagi bersedia menghadapi sebarang kemungkinan pada hari perubahan Malayan Union pada 1 April 1946.

Kesemua ahli mesyuarat mengatakan andainya ditakdirkan Onn diseret oleh pentadbiran British, kesemua mereka sanggup pergi bersatu.

Semasa istiadat mengangkat sumpah, tidak ada seorang raja, orang besar atau kenamaan Melayu yang hadir kecuali seorang yang merupakan pegawai daripada Pasukan Askar Melayu yang menjadi ADC kepada Gabenor baru.

Kejadian berkenaan dirasai benar oleh pihak British bagaimanapun ada yang membela dan ada yang mengutuk.

Mereka yang mengutuk ialah Clement Attlee, Winton Churchill dan Anthony Aden & Co manakala yang membela raja-raja Melayu ialah kira-kira 17 bekas pegawai British yang telah bersara dari Tanah Melayu.

Pada masa yang sama, satu perhimpunan tunjuk perasaan telah diadakan di hadapan Station Hotel, Kuala Lumpur tempat bersemayamnya raja-raja Melayu yang iktiadat mengangkat sumpah diadakan.

Ribuan orang Melayu yang memakai songkok berilit kain putih tanda berkabung berkumpul di depan Station Hotel dengan melautkan 'Daulat' Tuanku' dan 'Hidup Melayu'.

Pada 15 April 1946, Sultan-sultan dari Perak, Selangor, Pahang, Kedah, Yang Dipertuan Negeri Sembilan dan Raja Perlis berkumpul dan bermesyuarat di istana Kuala Kangsar.

Kesemua raja yang bermesyuarat sebulat suara membantah Malayan Union dan sanggup berangkat ke England untuk mengemukakan bantahan.

Kesimpulan Kongres Melayu pertama

1. Bahawa perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis yang mengabdikan bersejajar memberi kuasa penuh kepada Duli Yang Maha Mulia King bagi Great Britain ke atas beberapa buah negeri Melayu dan melucutkan kuasa Sultan-Sultan ke atas negeri yang mereka telah menjadi raja yang merdeka itu, tidak menurut perlembagaan hak pusaka, adat resam dan amalan tiap-tiap negeri Melayu dan oleh yang demikian adalah tidak sah dan batal dan tidak mengikat.
2. Bahawa manakala perjanjian-perjanjian tersebut itu telah diperolehi tidak dengan pengetahuan dan berlawanan dengan kehendak-kehendak rakyat Duli-duli Yang Maha Mulia itu dan bahawa oleh kerana cadangan kerajaan Baginda King hendak menjalankan kuasa ke atas negeri-negeri Melayu itu adalah melawan kehendak rakyat Duli-duli Yang Maha Mulia itu.
3. Kongres tersebut juga mengisytiharkan bahawa perbuatan British menentang dasar Demokrasi dan tidak boleh diterima sama sekali.
4. Bahawa kerana perkara-perkara yang disebutkan itu Kongres mendesak Kerajaan Baginda King supaya menarik balik cadangan yang tersebut dengan segera dan mengembalikan semula tarak kedudukan negeri ini dengan tidak mengubah barang apa juga buat masa ini.

Petikan ucapan pertama Datuk Onn

"Kita berkehendakkan tanah air dan bangsa kita ini terselamat dan kuat. Kedua-duanya itu hanyalah boleh terselamat jika kuat dan hanyalah boleh kuat jika bersatu padu."

"Orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini telah mendirikan persekutuan, persatuan, kesatuan, parti dan kesemuanya dengan satu tujuan iaitu hendak menyatukan dan memperbaiki keadaan kehidupan bangsanya."


"Marilah kita tunjukkan iaitu dengan persatuan di antara kita maka kita berkehendakkan menzhahirkan satu bangsa yang lebih tegap dan subur boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap bersatu."

Pesanan Datuk Onn di akhir Kongres tergeper

- Harap orang-orang Melayu jangan putus asa.
- Tempat bergantung bagi orang-orang Melayu pada masa ini ialah kongres. Sokonglah kongres.
- Pekerjaan kita akan menentang berbagai-bagai kesusahan. Jangan tawar hati dan jangan putus asa.
- Biarlah orang-orang Melayu Semenanjung ini berikhtiar melepaskan rantai yang mengikat dirinya terlebih dahulu.
- Sungguhpun kita di Semenanjung berjumlah dua setengah juta akan tetapi dengan bersatu kita akan dapat berdiri dan berantun dengan umat-umat Melayu di lain-lain negeri di serata dunia.

Kronologi Kongres Melayu Pertama

- 1 Mac 1946 - Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin Alam Shah merasmikan pembukaan kongres tersebut.
 - 3 Mac 1946 - Kongres membincangkan langkah dan tindakan yang perlu diambil orang Melayu untuk menentang Malayan Union.
 - 4 Mac 1946 - Keputusan dan hasil kongres diumumkan kepada orang ramai di Dewan Bandaran (Town Hall) Kuala Lumpur.
 - 30 Mac 1946 - Kongres Tergeper diadakan di Rumah Persekutuan Penang Peranakan, Batu Road (Jalan Tuanku Abdul Rahman), Kuala Lumpur selepas British mengumumkan Malayan Union akan dilaksanakan pada 1 April 1946.
- Kongres berkenaan meminta orang Melayu supaya melilit kain putih di songkok sebagai tanda berkabung dan membantah Malayan Union.
- Pada hari yang sama, raja-raja Melayu berkumpul dan bersemayam di Hotel Station.
- 31 Mac 1946 - Hari kedua Kongres tergeper - utusan kawat mengenai tindakan berkabung dihantar ke seluruh Tanah Melayu.
- Pemerintahan Tentera British di Tanah Melayu dibatalkan.
- 1 April 1946 - Sir Edward Gent mengangkat sumpah sebagai Gabenor tanpa kehadiran seorang pun raja Melayu atau kenamaan Melayu.
- Pada hari yang sama satu perhimpunan tunjuk perasaan diadakan di Kuala Lumpur sebulat dari tempat istiadat mengangkat sumpah.
- 15 April 1946 - Sultan Perak, Selangor, Pahang, Kedah, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Raja Perlis mengadakan mesyuarat membantah Malayan Union di istana Kuala Kangsar, Perak.




PARA perwakilan Kongres Melayu yang pertama pada 1 Mac 1946, bergambar di perkerangan bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Berikut adalah beberapa wajah tokoh pemimpin Melayu yang hadir pada kongres tersebut.



SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH
Sultan Selangor yang merasmikan Kongres Melayu pertama.



ABDUL RAHMAN TALIB
Persatuan Melayu Pahang.



ABDUL RAZAK HUSSEIN
Persatuan Guru-Guru Melayu Pahang.



AHMAD BOESTAMAN
Parti Kebangsaan Melayu Malaya.



MOHD SOEBEE IBRAHIM
Persatuan Melayu Seberang Prai.



NIK AHMAD KAMIL
Persatuan Melayu Kelantan.

SUMPAH MELAYU

KAMI, umat Melayu beragama Islam pada hari ini berjanji tidak akan berhasad dengki, khatan dan iri hati, bertelagah dan berbalah sesama sendiri. KAMI berjanji akan bersatu padu dan patuh menegakkan agama Islam. KAMI juga berjanji akan bekerja kuat untuk menyara diri dan keluarga KAMI.

KAMI sedia bersaing sesama umat Melayu dan kaum-kaum lain dengan jujur dan terhormat.

KAMI, umat Melayu Islam bersumpah setia untuk:

- Mempertahankan kepentingan dan hak Melayu;
- Mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu;
- Memperjuangkan ikhtisad dan pelajaran bangsa Melayu; dan
- Mempertahankan maruah Negara supaya aman sejahtera



ABDUL WAHAB (DATUK PANGLIMA BUKIT GANTANG)
Ketua Perikatan Melayu Perak.




SYED ABDUL KADIR MOHAMAD
Pergerakan Melayu Semenanjung Johor.



SENU ABDUL RAHMAN
Kesatuan Melayu Kedah.



SAADON ZUBIR
Persekutuan Melayu Keluang Johor.



TUNKU MOHAMED BURHANUDDIN
Persekutuan Melayu Negeri Sembilan.



ZAINAL ABDIN AHMAD (ZAABA)
Pendita Melayu.